

# Helo Kampus



kampus@utusan.com.my



## Bantu pelarian Rohingya

Mengadakan persembahan jalanan bagi mengumpul dana Tabung Pelarian Rohingya

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my



**D**UNIA Islam hari ini diwarnai lagi dengan cerita sedih yang menyayat hati. Nasib pelarian Rohingya yang kebuluran di tengah laut dan kisah 'ikat perut' mereka telah menyentuh hati pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Melalui program USIM Street Dakwah, sekumpulan anak muda pelajar USIM yang aktif dalam aktiviti seni budaya telah mengadakan persembahan bersama komuniti Putrajaya berkongsi kesedihan untuk mengutip dana bagi menyalurkan bantuan kepada pelarian Rohingya.

Program USIM Street Dakwah yang sebelum ini telah mengembara ke Pasar Seni Kuala Lumpur, Dataran Merdeka dan Alor Setar, Kedah dalam misi menyampaikan dakwah mereka telah memilih pusat membeli belah Alamanda Putrajaya sebagai lokasi bagi tujuan murni tersebut.

Ia merupakan anjuran Pusat Kebudayaan USIM yang telah bekerjasama dengan Islamic Relief Malaysia dan Alamanda Putrajaya.

Program yang bermula pukul 3.30 petang itu di The Hub Alamanda



ISMAIL AHMED menyerahkan kutipan Tabung Pelarian Rohingya kepada Wakil Islamic Relief.

Putrajaya. Apa yang menarik dalam USIM Street Dakwah ialah penggunaan medium seni budaya sebagai usaha mendekati masyarakat selain pengisian persembahan seni yang baik dan memberi manfaat untuk menyampaikan dakwah.

Setiap lagu yang disampaikan mempunyai mesej yang mengajak

khalayak menghayati makna instrinsik setiap lirik dan lagu yang disampaikan.

USIM Street Dakwah menampilkan USIM Buskers hasil gabungan ahli kelab Urus Setia Kesenian Pelajar USIM daripada pelbagai fakulti yang aktif dalam aktiviti seni budaya di kampus.

Persembahan USIM Buskers

menampilkan persembahan band akustik, ensemble perkusi, bertaranum, tarian tradisi dan Cak Lempong. Kumpulan ini juga memilih konsep busking oleh kerana pendekatan seperti ini lebih santai, berkesan dan mudah mendekati masyarakat.

Pengarah Pusat Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed berkata, usaha yang dilakukan oleh USIM Buskers ini sangat terpuji bukan sahaja daripada segi moral dan perasaan empati mereka kepada masyarakat malah ianya memberi perspektif bahawa pelajar USIM sentiasa ingin ke hadapan dalam isu- isu kemanusiaan.

"Ia bukan sahaja untuk masyarakat Malaysia malah di peringkat antarabangsa apatah lagi pelarian Rohingya adalah saudara Islam yang kini tertindas.

"Usaha murni yang dilakukan oleh pelajar USIM ini wajar diteruskan. Pusat Kebudayaan USIM akan mengadakan program USIM Street Dakwah Perdana yang dijangka pada pertengahan September nanti dengan pengisian yang lebih menarik dan menghimpunkan persembahan- persembahan seni budaya selain mengajak khalayak membantu mereka yang memerlukan bantuan,"katanya.

Ismail berkata, hasil sumbangan dan kutipan pada hari tersebut akan diserahkan kepada wakil Islamic Relief, sebuah badan NGO yang sentiasa mendepani usaha kemanusiaan di seluruh dunia.

Pada majlis itu juga, pusat membeli belah Alamanda Putrajaya turut melancarkan UniCard yang bertujuan memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar universiti membeli belah di Alamanda Putrajaya.

USIM Street Dakwah bermula dengan persembahan bertenaga daripada kumpulan perkusi disusuli persembahan band akustik, tarian zapin dan cak lempong dan menampilkan pengacara Zul Afkar Husna yang menggunakan elemen dikir barat berjaya mencuit hati penonton.

Selain itu keunikan suara Mohd Husainy Mahmur dalam menyampaikan bacaan beberapa petikan ayat al- Quran selain bacaan doa bagi pelarian Rohingya sangat menyentuh hati audiens.

Mohd Husainy yang juga Johan Qari Tilawah Al Quran Peringkat Negeri Sembilan 2015 telah mewakili Malaysia dalam pertandingan tilawah Al- Quran peringkat remaja dunia di Tehran baru-baru ini.

Pada majlis penutup, Ismail Ahmed telah menyampaikan hasil kutipan kepada wakil Islamic Relief Malaysia.



PERSEMBAHAN Perkusirama USIM Busker di Alamanda, Putrajaya, baru-baru ini.